

MTE 2013 SERLAH KEUPAYAAN PENYELIDIK UTHM

MTE 2013 SERLAH KEUPAYAAN PENYELIDIK UTHM UTHM KOMITED DALAM AKTIVITI PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)—Kegemilangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dalam menerajui aktiviti penyelidikan dan inovasi yang berpotensi untuk dikomersilkan terbukti apabila produk hasil penyelidikan dan inovasi UTHM yang dipertandingkan dalam **12th Malaysia Invention and Innovation Awards** sempena **Malaysia Technology Expo (MTE) 2013** berjaya meraih **3 pingat Perak dan 7 pingat Gangsa**. Pameran telah dianjurkan pada 21 hingga 23 Februari 2013 di Putra World Trade Centre (PWTC) ini merupakan pameran terbesar yang berjaya mengumpulkan lebih 400 hasil ciptaan dan inovasi daripada pelbagai industri/agensi termasuk daripada luar negara seperti Taiwan, Korea, Nigeria, Poland, Iran dan Arab Saudi.

Pada tahun 2013 ini, UTHM telah menghantar penyertaan sebanyak 10 produk penyelidikan sahaja. Penyertaan pada tahun ini biarpun tidak Berjaya memperoleh pingat emas, namun kesepuluh penyelidik ini berjaya memperoleh kejayaan masing-masing. UTHM juga pada tahun ini telah berjaya memperoleh **2nd Best Booth Design Shell Scheme Category**.

Para penyelidik yang menyertai MTE 2013 juga merasa bertuah atas kesudian YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohd. Noh Dalimin, Naib Canselor UTHM kerana telah hadir bertemu dengan para penyelidik UTHM. Sesungguhnya kehadiran beliau telah berjaya menyuntik semangat dan keyakinan yang sangat tinggi kepada penyelidik untuk terus aktif berkarya dan menjalankan penyelidikan di masa akan datang.



Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah diucapkan kepada para penyelidik UTHM yang telah berusaha gigih bagi mengharumkan nama UTHM dalam pertandingan pada kali ini. Ucapan penghargaan juga dirakamkan kepada YBhg. Dato' Naib Canselor, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), pihak pengurusan universiti, warga kerja Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan dan semua pihak yang telah memberikan sokongan serta sumbangan tenaga dan buah fikiran dalam menjayakan MTE 2013.

Semoga kejayaan hari ini akan mendorong warga penyelidik UTHM untuk lebih gigih mencapai kegemilangan pada masa hadapan

dalam menghasilkan penyelidikan dan inovasi yang dapat dimanfaatkan oleh masyarakat sejagat seterusnya menyumbang kepada penjana ekonomi negara melalui kejayaan mengkomersilkan produk tersebut.

Maklumat senarai nama pemenang pingat dalam Malaysia Technology Expo 2013 adalah seperti berikut :

BIL	PENYELIDIK	TAJUK PENYELIDIKAN	PINGAT
1.	PROF MADYA DR. MUHAMMAD MAHADI B. ANDUL JAMIL	BIOMECHATRONIC DESIGN OF ARTIFICIAL ARM	PERAK
2.	DR. MUHAMMAD YUSOF BIN ISMAIL	MINIATURIZED BROADBAND PAPER BASED SUBSTRATE ANTENNA FOR AUTOMOTIVE SYSTEMS	PERAK
3.	EN. SHAFUL RIZAL BIN MASROL	PAPER MADE FROM BANANA PSEUDO-STEM FIBER BLENDED WITH RECYCLE PAPER MATERIAL (AWAK'S ECO PAPER)	PERAK
4.	PM DR. BADRUL BIN OMAR	DESIGN CONCEPT EVALUATION FRAMEWORK USING HQQ, FUZZY-AHP & ROUGH-GREY ANALYSIS	GANGSA
5.	PM DR. HUSSAIN BIN OTHMAN	SMART FACILITATOR FOR GREEN INITIATIVE IN TEACHING & LEARNING	GANGSA
6.	DR. HASSAN ZUHUDI BIN ABDULLAH	HYDROXYAPATITE BIOCERAMIC FROM FISH BONE & SCALE	GANGSA
7.	DR. NARIMAH BT KASSIM	INTELLIGENT MATERIALS TRACKING SYSTEM (I-MATRACS)	GANGSA
8.	DR. ZAWATI BT HARUN	WASTE WATER RECOVERY BY NOVEL RICE HUSK	GANGSA
9.	DR. HATIHAH BT BASRI	PROTEIN REPELLENT MEMBRANE	GANGSA
10.	EN. NAZRI BIN ABDULLAH	DIY CONCEPT OF POWER PLUG SWITCH CONTROL USING WIFI TECHNOLOGY	GANGSA